



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI JULAI 2024

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Julai 2024. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 50.0 bagi Julai 2024. Perniagaan-perniagaan secara amnya menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada Julai 2024 berbanding dengan Jun 2024, dengan prestasi yang berbeza mengikut jenis sektor. Acara-acara dan promosi berkaitan dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meningkatkan permintaan bagi barangan dan perkhidmatan. Beberapa perniagaan berpandangan optimistik, manakala sebahagian perniagaan mengongskikan kebimbangan terhadap prestasi yang lembap dengan jangkaan peningkatan dalam aktiviti melancong ke luar negeri semasa hari-hari kelepasan awam pada hujung minggu. Indeks bagi satu bulan ke hadapan berada pada tahap 50.3, menunjukkan para peniaga menjangka peningkatan dalam produktiviti dan prestasi pada Ogos 2024 disebabkan faktor-faktor, seperti keadaan cuaca yang bertambah baik dan projek-projek baharu.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.0 bagi Julai 2024, 50.2 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.1 bagi tiga bulan ke hadapan. Secara amnya, para peniaga merancang untuk mengekalkan tahap pelaburan pada Julai 2024, terutamanya disebabkan mesin dan peralatan yang mencukupi untuk projek-projek dan operasi yang sedang berlangsung. Bagi beberapa bulan yang akan datang, para peniaga merancang untuk meningkatkan pelaburan bagi pembinaan kemudahan baharu, pemindahan dan pengubahsuaian premis perniagaan, pembukaan cawangan baharu, dan pembelian mesin dan peralatan baharu.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.2 bagi Julai 2024 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Meneruskan tren seperti sebelumnya, para peniaga mengongsikan usaha berterusan dalam pengambilan pekerja untuk memenuhi keperluan operasi mereka dan menggantikan pekerja yang telah menamatkan perkhidmatan.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.0 bagi Julai 2024 dan 50.6 bagi satu bulan ke hadapan. Para peniaga menjangka kos perniagaan akan meningkat pada ulai 2024, khususnya kos berkaitan dengan tenaga kerja. Walau bagaimanapun, kos penyelenggaraan yang lebih rendah bagi beberapa syarikat bersaiz besar telah menurunkan sub-indeks kos perniagaan secara menyeluruh. Bagi Ogos 2024, kebanyakan perniagaan menjangka peningkatan berterusan dalam kos perniagaan, termasuk kos penyelenggaraan dan pembayaran gaji, selaras dengan usaha untuk menambah tenaga kerja.

BSI Julai 2024	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Pelaburan	50.0
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.0
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.6

8. Dari segi **sektor ekonomi**, tiga daripada 11 sektor menjangka keadaan perniagaan yang optimistik pada Julai 2024. Sektor Hotel & Restoran menunjukkan sentimen tertinggi dengan indeks 50.3, disebabkan peningkatan permintaan dan promosi berkaitan dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sektor Perkhidmatan Lain dan Kewangan & Insurans menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan peningkatan dalam permintaan produk dan perkhidmatan. Sementara itu, sektor Pembuatan, Minyak & Gas dan yang Berkaitan, Pembinaan, Harta Tanah & Pemilikan Kediaman, dan Pengangkutan & Komunikasi melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama seperti Jun 2024. Tiga sektor pula merekodkan sentimen pesimistik bagi Julai 2024 iaitu sektor Kesihatan & Pendidikan, Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan, dan Perdagangan Borong & Runcit. Sentimen ini dikaitkan dengan jangkakan aktiviti pasaran yang perlahan disebabkan oleh aktiviti merentas sempadan semasa hari-hari kelepaan awam.

Keadaan Perniagaan Julai 2024 Mengikut Sektor	
Hotel & Restoran	50.3
Perkhidmatan Lain	50.2
Kewangan & Insurans	50.1
Pembuatan	50.0
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.0
Pembinaan	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Pengangkutan & Komunikasi	50.0
Perdagangan Borong & Runcit	49.9
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	49.8
Kesihatan & Pendidikan	49.6

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, secara amnya, perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada Julai 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya mengambilkira projek-projek yang masih berlangsung. Sentimen optimistik yang dikaitkan dengan acara-acara dan sambutan pada bulan Julai telah diimbangi oleh unjuran kelembapan permintaan dari pengguna yang dijangka akan melancong ke keluar negeri.

Keadaan Perniagaan Julai 2024 Mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	50.0
Sederhana	50.0
Besar	50.0

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 17 Safar 1446H / 22 Ogos 2024M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.

dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Julai 2024



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.